

# **KEMPEN POLITIK: DARI REFORMASI KEPADA CYBER DEMOCRACY**

**Zawiyah Mohd Zain**

**Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa**

**Universiti Utara Malaysia**

**Email:zmzain@uum.edu.my**

**Mohammad Agus Yusoff**

**Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan**

**Universiti Kebangsaan Malaysia**

**Email:agus\_ukm@yahoo.com**

## **Abstrak**

Pilihan raya umum Malaysia pada tahun 1999 mencatat sejarah tersendiri apabila buat pertama kalinya Internet digunakan sebagai medium untuk berkempen, lanjutan daripada penggunaan Internet oleh penyokong reformasi pada tahun 1998. Kertas ini bertujuan membincangkan kempen politik melalui Internet pada pilihan raya umum 1999 dan pilihan raya umum 2008. Dapatan kajian menunjukkan: pertama, pada pilihan raya umum 1999 parti pembangkang telah menggunakan Internet dengan intensif untuk berkempen. Ini kerana terdapat banyak isu-isu berkaitan reformasi yang ingin disampaikan, sedangkan peluang mereka untuk menggunakan media massa perdana begitu terhad. Kedua, penggunaan Internet untuk kempen politik menjadi semakin meluas pada pilihan raya umum 2008. Hal ini kerana pada ketika itu terdapat banyak isu-isu sensasi berkaitan politik dan pentadbiran diperdebatkan, di samping pertambahan penggunaan Internet di kalangan penduduk Malaysia. Penggunaan Internet yang meluas untuk kempen politik bukan hanya melibatkan ahli politik dan parti politik, bahkan rakyat biasa. Hasilnya ia telah melahirkan *cyber democracy* iaitu rakyat bebas untuk memberi idea dan pandangan dan juga berkumpul secara maya untuk berbincang isu-isu politik. Ketiga, kempen politik melalui Internet telah memberi impak kepada kedua-dua keputusan pilihan raya tersebut. Pada pilihan raya umum 1999 sokongan kepada Barisan Nasional khususnya UMNO semakin merosot, manakala pada pilihan raya umum 2008 pencapaian Barisan Nasional menjunam teruk apabila mereka gagal memperolehi kemenangan majoriti dua pertiga bagi kerusi dewan rakyat.

**Kata kunci:** Pilihan raya, kempen politik, reformasi, *cyber democracy*, pendemokrasian.

## **PENGENALAN**

Pemecatan Timbalan Perdana Menteri (TPM) Anwar Ibrahim daripada kabinet pada tahun 1998 telah mengubah lanskap politik Malaysia ketika itu. Ini kerana pertama, sokongan yang ditunjukkan kepada Anwar Ibrahim adalah luar biasa sekali sehingga telah mencetuskan gerakan reformasi. Kedua, pemecatan beliau juga menyebabkan pelbagai golongan masyarakat keluar untuk berdemonstrasi terutamanya di sekitar Kuala Lumpur. Akhir sekali, parti politik pembangkang dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) daripada pelbagai latar belakang seperti NGO Islam, Kristian, wanita dan NGO yang memperjuangkan hak asasi telah bekerjasama dalam memperjuangkan keadilan untuk Anwar Ibrahim. Perjuangan reformasi bukan hanya melalui demonstrasi jalanan tetapi turut melibatkan penggunaan Internet. Gerakan reformasi ini kemudiannya telah berlanjutan sehingga pilihan raya umum (PRU) 1999 yang mana kemenangan politik pada PRU tersebut buat pertama kalinya menggunakan Internet bagi mengenangkan isu-isu reformasi untuk mendapatkan sokongan rakyat. Seterusnya pada PRU 2004, Internet terus digunakan untuk kemenangan pilihan raya tersebut. Namun, pada PRU tersebut isu-isu reformasi telah menjadi kendur, disamping tidak terdapat isu-isu baru dalam politik Malaysia. Jadi, kemenangan politik melalui Internet pada PRU tersebut agak perlahan dan kurang berkesan. Pun begitu, pada PRU 2008 kemenangan politik Internet rancak semula berikutan timbul pelbagai isu sensasi berkaitan pentadbiran kerajaan dan juga pertambahan penggunaan Internet di Malaysia. Tujuan kertas ini ialah untuk membincangkan kemenangan politik melalui Internet di era reformasi (PRU 1999) dan kemenangan politik di era Abdullah Badawi khususnya pada PRU 2008. Kertas ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, latar belakang pilihan raya umum di Malaysia. Kedua, konsep reformasi dan *cyber democracy*. Akhir sekali, perbincangan dapatkan kajian.

Kertas ini menggunakan kaedah kualitatif. Data primer didapati melalui kaedah temu bual secara bersemuka. Temu bual bersemuka dilaksanakan secara *in-depth interview* (temu bual mendalam) dengan informan yang terdiri daripada pemimpin parti Barisan Nasional (BN), parti pembangkang dari Pakatan Rakyat (PR) iaitu Parti Islam SeMalaysia (PAS), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Pakatan Keadilan Rakyat (PKR), Blogger iaitu Abdul Kadir Jasin (Bekas Ketua Pengarang New Straits Times Press) dan Ruhaini Ahmad (bekas Ahli Parlimen Parit Sulong) serta NGO. Antara NGO yang dipilih ialah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Perkasa, dan Christian Federation of Malaysia (CFM). Manakala data sekunder diperolehi melalui hasil kajian lepas, laporan rasmi kerajaan dan jurnal.

## LATAR BELAKANG PILIHAN RAYA UMUM DI MALAYSIA

Di Malaysia, perjalanan pilihan raya dan proses pengundian diuruskan sepenuhnya oleh Suruhajaya Pilihan Raya (SPR). Tarikh penamaan calon, pengundian dan tempoh berkempen ditetapkan oleh SPR sebaik sahaja pembubaran parlimen diumumkan oleh Perdana Menteri. Secara rasminya tarikh berkempen ditentukan oleh SPR mengikut tempoh tertentu, namun kemenangan secara tidak rasmi boleh diadakan pada bila-bila masa sebelum parlimen dibubarkan lagi. Pilihan raya pertama di Tanah Melayu (pilihan raya peringkat kerajaan tempatan) diadakan pada tahun 1951, iaitu Pilihan Raya Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Pilihan raya peringkat kerajaan tempatan kedua pula diadakan pada tahun 1952, iaitu Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur (MPKL). Pilihan raya tersebut bertujuan memilih wakil di peringkat tempatan untuk terlibat dalam Majlis Persekutuan. Ini kerana pada tahun 1951 British telah memperkenalkan sistem ahli untuk mentadbir Tanah Melayu bermatlamat untuk memberi peluang dan melatih orang Melayu ke arah pentadbiran sendiri. Menerusi sistem ini beberapa

orang warganegara persekutuan Tanah Melayu yang dipilih melalui pilihan raya dilantik sebagai ahli Majlis Persekutuan atau Majlis Mesyuarat Kerja Persekutuan.

Manakala pilihan raya persekutuan yang pertama diadakan pada tahun 1955, iaitu dua tahun sebelum negara merdeka. Pilihan raya tersebut adalah sebagai persediaan untuk menghadapi pentadbiran negara (selepas merdeka) serta sebagai bukti kepada penjajah bahawa masyarakat Malaysia mampu membentuk sistem pemerintahan sendiri. Antara parti yang bertanding ialah Perikatan, Parti Negara (PN), Parti Islam se-Malaysia (PAS), People's Progressive Party (PPP) dan Parti Buruh.<sup>454</sup> Isu utama yang dibangkitkan dalam pilihan raya tersebut tertumpu kepada kemerdekaan negara. Misalnya, Perikatan dalam kempen mereka telah berjanji untuk mendapatkan kemerdekaan dalam tempoh empat tahun. Manakala PN pula menetapkan tempoh tujuh tahun untuk negara mencapai kemerdekaan. Pilihan raya tersebut telah dimenangi oleh Perikatan dengan mendapat 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan dan memperolehi 81 peratus daripada jumlah keseluruhan undi. Manakala selebihnya dimenangi oleh PAS (SPR 2007:32). Selanjutnya, Malaysia (ketika itu Tanah Melayu) mendapat kemerdekaan daripada British pada tahun 1957, setelah dijahah oleh beberapa kuasa asing sejak tahun 1511. Walaupun Malaysia hanya merdeka pada tahun 1957, tetapi usaha untuk menyediakan pentadbiran sendiri telah dilakukan sejak tahun 1943, apabila kerajaan Britain merancang penubuhan Malayan Union (MU). MU ditubuhkan pada tahun 1964 bertujuan untuk menyatupadukan

---

<sup>454</sup>Perikatan merupakan kerjasama antara parti politik UMNO, MCA dan MIC. Ketiga-tiga parti tersebut bergabung untuk membentuk Perikatan pada Januari 1955, bagi bersama-sama menuntut kemerdekaan daripada kerajaan British. Sebelum itu, UMNO terlebih dahulu telah bekerjasama dengan MCA dalam pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952. Pilihan raya persekutuan 1955 merupakan kali pertama Perikatan bertanding dengan kerjasama UMNO, MCA dan MIC. Walau bagaimanapun, Perikatan hanya didaftarkan sebagai parti politik secara rasminya pada tahun 1958. UMNO yang ditubuhkan melalui kongres yang diadakan pada Mac 1946 untuk menentang rancangan MU didaftarkan secara rasmi sebagai parti politik pada April 1950.

PN pula ditubuhkan oleh Dato' Onn Jaafar pada Februari 1954 bertujuan untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya Persekutuan tahun 1955. Selain itu, penubuhan PN adalah merupakan cita-cita Dato Onn untuk terus terlibat dalam politik, seterusnya memperjuangkan kemerdekaan melalui parti politik tersebut. Penubuhan PN juga berikutan kegagalan Independence of Malaya Party (IMP) yang dipimpin Dato' Onn selepas beliau berundur dari UMNO. Dato' Onn meninggalkan UMNO pada tahun 1950 apabila cadangan beliau untuk membuka keahlian UMNO kepada kaum bukan Melayu tidak dipersetujui oleh pemimpin UMNO. Oleh itu, Yang Dipertua UMNO diambil alih oleh Tunku Abdul Rahman. IMP ditubuhkan pada tahun 1951 dan ia merupakan sebuah parti politik yang terbuka untuk semua kaum. Walau bagaimanapun parti tersebut gagal menarik kerjasama pelbagai kaum, kerana tidak terdapat tolak ansur tentang pelbagai perkara terutama bagi Dato' Onn sendiri yang tidak mahu melepaskan teras ideologi kemelayuannya.

Manakala PPP adalah parti politik yang tertumpu di Perak, ditubuhkan pada tahun 1955. PPP merupakan sebuah parti pembangkang yang agak berpengaruh sehingga tahun 1975. Namun pada tahun 1978 parti tersebut gagal mendapat sebarang kerusi di Dewan Rakyat. Parti Buruh pula adalah sebuah parti yang berasal daripada kesatuan sekerja negeri seperti Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Selangor yang ditubuhkan pada tahun 1951. Parti buruh negeri-negeri tersebut telah bergabung sebelum pilihan raya 1955 untuk membentuk Parti Buruh Malaya. Namun, parti tersebut berpecah kembali sebelum sempat bertanding. Seterusnya sejurus sebelum pilihan raya Parti Buruh dibentuk semula dengan menyatukan semua parti buruh dan parti berhaluan kiri untuk menentang Perikatan pada pilihan raya 1955. Pada pilihan raya tersebut Parti Buruh gagal meraih sebarang kemenangan. Sila lihat Means (1976), NSTP (1990) dan Ramlah Adam (1993) untuk keterangan lanjut mengenai hal ini.

rakyat berbilang kaum di Tanah Melayu, menyelaras dan mencantumkan pentadbiran negeri-negeri Melayu serta sebagai persediaan sebelum memperolehi pemerintahan sendiri. Walau bagaimanapun penubuhan MU mendapat tentangan hebat daripada orang Melayu dan akhirnya ia dibubarkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.

## KONSEP REFORMASI DAN *CYBER DEMOCRACY*

### Reformasi

Gerakan reformasi bermula pada tahun 1998 sehingga 2001 melalui demonstrasi jalanan dan kempen di Internet. Oleh itu, era reformasi adalah dari tahun 1998 sehingga tahun 2001. Menurut Weiss (1999:25), secara umumnya reformasi adalah satu gerakan untuk menuntut perubahan sosial, politik dan ekonomi. Gerakan ini secara politiknya adalah kumpulan masyarakat sivil yang merangkumi pelbagai kumpulan NGO yang bekerjasama merentasi sektor dan isu dan juga melibatkan media bukan milik kerajaan terutamanya melalui Internet untuk menentang pemerintahan Dr. Mahathir, BN dan undang-undang serta polisi tertentu yang digubal dan diluluskan oleh mereka.

Manakala Nair (2007:39) dalam analisisnya menyatakan gerakan reformasi di Malaysia adalah satu peristiwa politik luar biasa yang muncul selepas pemecatan Anwar Ibrahim dilakukan melalui demonstrasi jalanan, melibatkan kerjasama antara NGO dan parti politik pembangkang, mengetengahkan pelbagai isu, terutamanya salah guna kuasa kerajaan dan juga menggunakan pelbagai sumber untuk memberi tekanan kepada kerajaan. Tujuan reformasi tersebut adalah untuk menuntut proses demokrasi, hak asasi, ketelusan, kebertanggungjawaban dan keadilan dalam pentadbiran kerajaan.

### Cyber Democracy

*Cyber democracy* atau demokrasi siber bermula di Amerika Syarikat yang bergerak daripada kemunculan komuniti siber, iaitu masyarakat yang bebas berbincang tentang aktiviti mereka secara *online*. Ia bermula dengan pembentukan rangkaian komuniti seperti *Usenet Newsgroup*, *Listserve Mailing List* dan keanggotaan dalam sesuatu kumpulan komuniti maya pada tahun 1980-an (Margolis & Resnick, 2000; Chadwick, 2006). Di Malaysia pula, ia bermula menerusi media sosial seperti *Face Book* dan *Blog* yang membincangkan isu-isu semasa terutama isu politik. Selain itu, terdapat juga portal berita yang dibangunkan secara rasmi yang melaporkan pelbagai isu politik dan memberi peluang kepada masyarakat untuk berinteraksi dan memberi maklum balas.

Kesimpulannya, gerakan reformasi adalah satu tindakan protes yang dilakukan oleh masyarakat akibat pemecatan Anwar Ibrahim. Gerakan reformasi dilakukan sama ada menerusi demonstrasi jalanan atau melalui penulisan di Internet. Tujuannya adalah memperjuangkan keadilan sejagat dan meningkatkan pendemokrasian di Malaysia. Manakala *cyber democracy* ini bermula dengan komuniti *online* dan seterusnya menjadi ikutan kepada masyarakat lainnya yang turut membangunkan portal berita, blog politik, laman sosial yang membincangkan pelbagai isu dalam dan luar negara. Oleh itu, *cyber democracy* adalah istilah yang merujuk kepada kebebasan rakyat mengambil bahagian dalam aktiviti politik, sama ada kebebasan berhimpun, bersuara, akhbar dan sebagainya yang dilakukan tanpa sempadan menerusi ruang siber atau secara *online*.

## PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

## **Pemecatan Anwar Ibrahim dan Gerakan Reformasi**

Pada September 1998 TPM yang juga Menteri Kewangan Malaysia iaitu Anwar Ibrahim telah dipecat daripada jawatannya atas alasan salah laku seksual. Dalam tempoh 18 hari selepas beliau dipecat Anwar Ibrahim telah mengadakan beberapa siri ceramah di seluruh negara untuk menjelaskan mengenai penyingkirannya yang dianggap sebagai konspirasi politik. Sebagai tindak balas, beliau telah membangkitkan hal berkaitan salah guna kuasa dalam kerajaan, rasuah para pemimpin, kroni dan juga nepotisme. Dalam siri ceramah itulah, Anwar Ibrahim mengambil peluang untuk menyeru rakyat melakukan demonstrasi yang dinamakan gerakan reformasi yang mana beliau telah menyeru para pengikutnya supaya berjuang untuk keadilan, pemerintahan yang lebih baik, keadilan, kebertanggungjawaban, dasar-dasar untuk memberi manfaat kepada yang lemah dari segi ekonomi, kebebasan dan demokrasi (Weiss 1999:26).

Setelah gerakan reformasi ini semakin mendapat sambutan rakyat, maka ia disusun secara yang lebih kemas melalui Deklarasi Permatang Pauh pada 12 September 1998. Seruan reformasi tersebut telah disambut dengan penuh semangat, bukan sahaja oleh penyokong Anwar Ibrahim, tetapi juga oleh masyarakat lainnya seperti NGO, parti pembangkang, para pelajar, pekerja swasta dan juga pekerja sektor awam. Misalnya pada 20 September 1998 sebelum ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Anwar Ibrahim memimpin demonstrasi secara besar-besaran di sekitar Masjid Negara dan Dataran Merdeka dan menerima sokongan hebat daripada masyarakat, terutamanya golongan muda yang dianggarkan melebihi 30,000 orang. Ia adalah demonstrasi terbesar dalam sejarah politik Malaysia dan mendapat laporan meluas daripada media antarabangsa yang sedang membuat liputan Sukan Komanwel di Malaysia pada ketika itu (Felker 1999:45; Nair 2007:351). Antara NGO yang terlibat ialah seperti ABIM, Suara Rakyat Malaysia (Suaram), Just World Trust (Just) dan lain-lain lagi yang turut mengambil kesempatan untuk menunjukkan bantahan mereka terhadap kerajaan berhubung isu pemecatan tersebut.

Selain gerakan reformasi melalui kaedah tradisional seperti demonstrasi jalan, perhimpunan dan ceramah, penyokong Anwar Ibrahim dan reformasi juga melahirkan bantahan mereka kepada kerajaan dengan menggunakan Internet. Internet menjadi media utama untuk penyokong Anwar Ibrahim mengkritik tindakan kerajaan, sehingga berpuluhan-puluhan laman web telah dibangunkan dalam tempoh masa yang singkat. Menurut Abbot (2004:83), pemecatan Anwar Ibrahim telah menyebabkan satu pertiga daripada sejuta penduduk Malaysia yang mempunyai akses terhadap Internet melayari laman web berkaitan reformasi. Menurut beliau lagi, dalam tempoh beberapa bulan selepas pemecatan Anwar Ibrahim terdapat lebih kurang 50 laman web pro Anwar Ibrahim dan reformasi. Manakala Holmes & Grieco (2001:70) pula, dalam analisis mereka mendapati sehingga 12 Jun 1999 jumlah akses terhadap laman web reformasi mencapai sehingga lebih tujuh juta. Antara laman web yang menyokong Anwar Ibrahim adalah seperti Reformasi, Revolusi Nasional, Mahafiraun dan FreeMalaysia. Kumpulan perbincangan *online* seperti Soc.culture.Malaysia dan Sangkancil juga menjadi media Internet penting kumpulan reformasi.

Sementara itu, Mustafa K. Anuar (1999:30) dalam analisisnya menyatakan semasa krisis yang membawa kepada pemecatan Anwar Ibrahim, terdapat sekurang-kurangnya 60 laman web yang

dibangunkan untuk menyokong Anwar Ibrahim dan gerakan reformasi sehingga terdapat beberapa laman web yang mendapat pengunjung ratusan ribu orang. Ini kerana laporan kes Anwar Ibrahim di media massa perdana agak terhad iaitu hanya memaparkan tuduhan terhadap Anwar Ibrahim tanpa analisis yang kritikal dan terperinci serta tidak menjelaskan khabar angin yang melanda masyarakat tentang pelbagai perkara dan isu. Menurut Mustafa lagi, terdapat tiga kategori laman web yang dibangunkan. Pertama, laman web yang memaparkan maklumat terkini dan kontroversi atau gosip yang biasanya tidak disiarkan oleh media perdana. Kedua, laman web yang menunjukkan bakat penulis yang profesional, iaitu membincangkan sesuatu isu dengan bijak, rasional dan dapat bertukar-tukar idea dengan bebas. Ketiga, laman web yang membincangkan tentang hak asasi, demokrasi dan parti politik pembangkang.

Selain itu, portal berita Internet turut dibangunkan secara rasmi untuk tatapan pembaca. Misalnya Malaysiakini yang memuatkan isu-isu semasa dilancarkan oleh pengasasnya Stevan Gan seminggu sebelum PRU 1999. Pelancaran Malaysiakini telah mendapat sambutan yang menggalakkan sehingga mencapai 200,000 pengunjung sehari. Bermula dengan hanya tiga hingga empat berita, portal ini akhirnya telah meningkatkan jumlah beritanya sehingga 40 hingga 50 laporan dalam masa empat tahun (Abbot 2004:86). Manakala berita-berita politik secara khusus pula tersedia melalui HarakahDaily yang turut mendapat sambutan pembaca sehingga 60,000 sehari. Kedua-dua portal berita ini mempunyai kelebihan berbanding akhbar tradisional kerana tidak tertakluk kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, namun isi kandungannya tetap dipantau di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia dan juga Akta Hasutan.

Perbincangan di atas juga menunjukkan bahawa reformasi bukan sahaja digerakkan oleh Anwar Ibrahim dan penyokongnya, tetapi juga melibatkan pembangkang dan NGO sama ada melalui kaerah tradisional (sebagai kaerah luar ruangan) ataupun Internet (kaerah dalam ruangan). Persoalannya, NGO dan parti politik pembangkang manakah yang terlibat, dan apakah peranan mereka? Weiss (2006:134) menyatakan majoriti penyokong reformasi adalah terdiri daripada golongan muda dan kaum Melayu kelas pertengahan. Mereka ini kebanyakannya berumur dalam lingkungan 20 tahun, berpendidikan peringkat menengah dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), pekerja sektor awam, Muslim yang agak warak, tinggal di bandar-bandar dan terdiri daripada peminat Anwar Ibrahim. Walaupun majoriti mereka terdiri daripada kaum Melayu, tetapi terdapat juga segelintir daripada kaum Cina dan India yang mengambil bahagian, terutamanya mereka yang mendapat pendidikan dari luar negara dan juga terdiri daripada ahli atau penyokong NGO tertentu. Kumpulan ini menyokong reformasi kerana mereka merupakan golongan yang mempunyai kesedaran politik yang tinggi hasil daripada pendidikan yang diperolehi di institusi pengajian tinggi serta pergaulan mereka yang lebih luas kerana faktor tempat tinggal mereka di bandar, yang lebih mudah mendapat akses dengan berita-berita semasa berbanding dengan penduduk luar bandar.

Reformasi tersebut juga mendapat sokongan daripada golongan wanita seperti aktivis Irene Fernandez dan Zaitun Kasim. Aktivis ini kemudiannya bersama beberapa kumpulan wanita telah melancarkan Women Agenda For Change (WAC) pada Mei 1999. Kumpulan ini mengetengahkan isu seperti ketidaksamaan gender dalam pekerjaan dan beberapa masalah lain berkaitan pekerjaan, agama, budaya, dan keganasan rumah tangga. NGO lain yang turut menggunakan landasan reformasi ini untuk mengemukakan tuntutan mereka ialah Malaysian Chinese Organization Election Appeals Committee (Suqiu) yang ditubuhkan pada April 1999. Mereka telah mengemukakan beberapa tuntutan kepada kerajaan misalnya berkaitan demokrasi, hak asasi, keadilan, hak wanita, perpaduan dan beberapa tuntutan berkaitan hal pendidikan. Lain-lain pertubuhan yang turut terlibat dengan gerakan reformasi ialah Barisan Bertindak Mahasiswa, Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (GAMIS), Gerakan

Demokratik Belia dan Pelajar Malaysia (DEMA) serta Bersatu Untuk Demokrasi dan Insaniah (BUDI). Kebanyakan mereka menyuarakan harapan terhadap demokrasi seperti tuntutan pilihan raya yang bersih, pembuatan keputusan secara *decentralized* dan menentang salah guna kuasa di kalangan pegawai kerajaan (Weiss 2006:135). Walaupun tidak semua NGO yang terlibat menyuarakan isu berkaitan pemecatan Anwar Ibrahim, tetapi penglibatan mereka ini turut menyumbang kepada kelangsungan reformasi.

Di samping itu, parti politik pembangkang iaitu PAS, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) juga terlibat secara aktif dalam gerakan reformasi. Pendekatan mereka ialah melalui ceramah dan perhimpunan yang diadakan di seluruh negara. Ceramah atau jelajah reformasi ini telah mendapat kerjasama dari semua parti pembangkang yang terlibat. Misalnya, ceramah yang diadakan oleh PAS turut menampilkan penceramah daripada DAP dan PRM yang mana penceramah adalah terdiri daripada pelbagai bangsa. Walaupun kebanyakan penyokong reformasi adalah kaum Melayu, tetapi mereka juga cuba menarik perhatian daripada kaum lain melalui pendekatan tersebut. Ceramah dianggap sebagai satu mekanisme penting bagi organisasi politik pembangkang dan juga pertubuhan-pertubuhan lain menyampaikan mesej reformasi kepada masyarakat. Ini kerana mereka tidak berpeluang untuk muncul di media perdana. Isu yang diketengahkan tidak terhad kepada kes berkaitan Anwar Ibrahim sahaja, tetapi juga isu-isu lain yang lebih sejagat sifatnya seperti keadilan sosial, demokrasi, salah guna kuasa, rasuah dan sebagainya (Weiss 2006:137-138).

Selain itu, pelbagai pertubuhan NGO, pertubuhan keagamaan, kesatuan sekerja, pertubuhan atau badan profesional, dan juga persatuan pelajar turut bergerak secara kolektif dengan bekerjasama antara satu sama lain. Brown (2004:271-272) menyatakan pemecatan Anwar Ibrahim telah menjadi pencetus untuk NGO dan parti politik mula bekerjasama secara rasmi. Antara yang aktif adalah Gagasan Demokrasi Rakyat Malaysia (Gagasan) yang merupakan gabungan dan kerjasama daripada pelbagai organisasi yang dipimpin oleh Tian Chua. Pada asalnya, Gagasan diwujudkan semasa dialog antara NGO berkaitan isu ekonomi pada tahun 1997, namun isu Anwar Ibrahim telah mendorong pembentukannya secara rasmi pada 27 September 1998. Ia bertujuan untuk menuntut pemerintahan demokrasi. Antaranya mereka menggesa kerajaan supaya memberikan kebebasan untuk berucap dan berhimpun, perbicaraan yang adil serta keputusan yang saksama dan menghapuskan ISA.

Dalam masa yang sama, satu lagi gabungan NGO Islam yang dinamakan Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) ditubuhkan. Gerak dipimpin oleh Presiden PAS iaitu Fadzil Nor. Gerak juga bertujuan menuntut pemerintahan demokrasi dan keadilan dalam pentadbiran. Kedua-dua gabungan iaitu Gagasan dan Gerak tersebut bukan sahaja berjaya menarik minat NGO, tetapi juga parti politik pembangkang. Misalnya DAP telah menyertai Gagasan manakala PAS menyertai Gerak (Abbot 2000:247). Pada Disember 1998 pula, isteri Anwar Ibrahim iaitu Wan Azizah telah menujuhkan Pergerakan Keadilan Sosial yang dikenali sebagai ADIL sebagai usaha untuk meneruskan perjuangan reformasi dengan struktur organisasi yang lebih jelas. Pada April 1999, ADIL telah didaftarkan sebagai parti politik dan dinamakan sebagai Parti Keadilan Nasional (PKN) (kemudiannya Parti Keadilan Rakyat-PKR) (Weiss 1999:26; Funston 2000:26).

Kedua-duanya iaitu Gerak dan Gagasan bergerak aktif dalam aktiviti reformasi sehingga pada pertengahan tahun 1999 apabila ia diambil alih oleh gabungan parti politik Barisan Alternatif (BA) yang berkempen untuk pilihan raya. BA ditubuhkan apabila parti pembangkang dan beberapa NGO telah mengadakan beberapa perjumpaan dan bersetuju untuk bekerjasama. Pada 2 Julai 1999, empat parti pembangkang utama iaitu PAS, DAP, PKN dan PRM telah bekerjasama dan bersepakat untuk bertanding di bawah pakatan BA pada PRU 1999 (Felker 1999:52). Perjuangan BA adalah berteraskan perjuangan utama reformasi, iaitu tertumpu kepada demokrasi, keadilan sosial, kebebasan awam, peningkatan

perkhidmatan urus tadbir, ketelusan dan kebertanggungjawaban (Welsh 2004:132). Selain itu, pembentukan BA ini juga mendapat sokongan pelbagai pertubuhan seperti Aliran, Suaram, All Women's Action Society (Awam) dan juga dari pertubuhan Islam seperti ABIM dan JIM. Di samping itu, terdapat juga segelintir penyokong yang terdiri daripada pelajar universiti dan kumpulan profesional (Weiss 2006:142).

### Kempen Politik Pilihan Raya Umum 1999

Semasa era reformasi satu PRU diadakan iaitu PRU 1999 yang merupakan PRU yang ke-10 bagi Malaysia. Merujuk pada PRU tersebut, selepas pemecatan Anwar Ibrahim pada September 1998, kerajaan BN hanya mempunyai masa lebih kurang setahun setengah untuk membubarkan Parlimen iaitu selewatnya pada Jun 2000. Bagaimanapun dengan pelbagai isu yang timbul berkaitan dengan kepimpinan Dr. Mahathir, BN membubarkan Dewan Rakyat untuk menghadapi pilihan raya pada November 1999. Keadaan ini menjadikan persaingan dalam PRU 1999 sebagai persaingan yang cukup sengit kerana inilah kali pertama BN menghadapi persaingan daripada parti-parti pembangkang utama dengan dibantu beberapa NGO yang berkempen untuk membawa transformasi dalam politik Malaysia. Apatah lagi sebelum PRU tersebut parti pembangkang utama iaitu PAS, DAP, PRM dan PKN telah bekerjasama membentuk Barisan Alternatif untuk menentang BN (Funston 2000:23; Loh Kok Wah 2009:46).

Menurut Hilley (2001:211), dalam kempen rasminya pada PRU 1999, BN terutamanya UMNO telah menggunakan senjata perkauman dengan menampilkan ceramah berbentuk ugutan. Ini dapat dilihat dari sikap pemimpin BN memberi amaran kepada kaum Cina melalui MCA dan Gerakan supaya tidak menyokong PAS jika tidak mahu menjadi warga kelas kedua. Amaran juga diberikan kepada orang Melayu bahawa mereka akan menghadapi risiko kehilangan hak politik sedia ada sekiranya PAS memerintah negara. Welsh (2004:133) pula menyatakan terdapat empat isu utama yang diketengahkan melalui kempen BN. Pertama, kes salah laku moral Anwar Ibrahim yang menghadapi tuduhan rasuah dan juga liwat. Kedua, menekankan hanya BN yang dapat membawa keharmonian, manakala kemenangan BA boleh menyebabkan berlaku pergaduhan kaum seperti 13 Mei 1969. Ketiga, PAS dilabelkan sebagai parti ekstrem yang akan melaksanakan hukum hudud dan penguatkuasaan undang-undang Islam yang boleh menakutkan orang bukan Islam. Akhir sekali, BN menekankan perancangan kerajaan meningkatkan kembali pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ringkasnya, untuk menghadapi PRU 1999 ini BN berusaha untuk memulihkan imej kerajaan di kalangan masyarakat. Ini dapat dilihat apabila BN dalam kempen mereka bukan sahaja bergantung kepada pencapaian pentadbiran, tetapi terpaksa mempertahankan tindakan mereka menangani krisis politik dan juga menggunakan isu kerjasama dan ideologi pembangkang untuk mengugut pengundi supaya menyokong mereka.

Manakala bagi BA pula, tema kempen mereka ialah ke arah Malaysia adil. Fokus utama mereka adalah mewujudkan keadilan untuk semua di samping menuntut kerajaan menghapuskan rasuah, salah guna kuasa, nepotisme dan kronisme. Funston (2000:30) dalam analisisnya mengatakan terdapat pelbagai isu yang dibangkitkan oleh BA. Antaranya ialah berkaitan Islam, kezaliman kerajaan, demokrasi yang terhad, rasuah, salah urus ekonomi dan reformasi. Berkaitan dengan isu Islam, BA menyatakan tuduhan liwat ke atas Anwar Ibrahim sepatutnya dikendalikan di bawah undang-undang syariah. Di samping itu, BA juga menyatakan komitmen mereka untuk mengekalkan Islam sebagai agama rasmi dan menjadikan Islam sebagai cara hidup di samping kebebasan mengamalkan agama lain.

Berhubung isu kezaliman pula, BA menegaskan cara Dr. Mahathir menangani kes Anwar Ibrahim adalah tindakan zalim. Mereka membangkitkan peristiwa semasa Anwar dipecat, cara beliau ditahan, gambaran tentang kecederaan semasa tahanan dan juga peristiwa beliau mengalami keracunan arsenik semasa dalam tahanan. Hal tersebut juga tersebar secara meluas di Internet untuk menunjukkan

kezaliman terhadap Anwar Ibrahim. Selain itu, BA membangkitkan isu demokrasi dengan memfokuskan kepada hak rakyat untuk berhimpun dan bersuara, mengukuhkan badan kehakiman dan kebebasan media. BA mempertikaikan kebebasan bersuara yang dihadkan melalui undang-undang tertentu seperti ISA, Akta Polis, Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Manakala berkaitan hal rasuah dan salah urus ekonomi pula ia dikaitkan dengan korupsi, kolusi dan nepotisme (KKN). BA membangkitkan isu berkaitan dengan pemimpin kerajaan dan individu yang mendapat kekayaan melalui projek kerajaan, isu penswastaan yang tidak telus dan juga pembangunan projek mega yang terlalu tinggi nilainya. Akhir sekali, bagi isu reformasi politik, BA menggesa masyarakat Malaysia menolak politik perkauman sempit dan juga ugutan tentang ketidakharmonian kaum oleh BN sekiranya BA memerintah. BA menunjukkan keikhlasan dalam kerjasama antara parti PAS dan DAP yang sebelum ini dilihat sukar untuk berkompromi. Dalam hal ini, Liow (1999:46) menyatakan gabungan antara parti pembangkang menerusi BA telah membawa fenomena baru. Ini kerana gabungan parti pembangkang dalam BA dapat memberi cabaran besar kepada BN. Secara umumnya, isu kempen BA pada PRU 1999 adalah isu yang sama yang dibangkitkan menerusi gerakan reformasi. Manakala kempen BN pula memberi tumpuan kepada kejayaan BN membawa keharmonian dan juga pemulihhan ekonomi negara.

Dari segi strategi kempen, selain kempen secara tradisional seperti ceramah dan penggunaan media massa, Internet turut digunakan untuk mendapatkan sokongan rakyat terutama kempen BA. Misalnya berpuluhan-puluhan laman web yang dibangunkan untuk menyokong reformasi pada tahun 1998 digunakan untuk berkempen bagi pihak BA. Selain itu, portal berita yang dilancarkan menjelang PRU 1999 seperti Malaysiakini dan Harakah *online* turut berkempen bagi pihak BA. Gabungan kempen politik secara tradisional dan Internet oleh BA telah menunjukkan keberkesanannya. Keputusan PRU 1999 menunjukkan prestasi BN terutamanya UMNO telah terjejas apabila sokongan daripada kaum Melayu semakin merosot. Dua negeri yang mempunyai majoriti penduduk Melayu iaitu Kelantan dan Terengganu telah jatuh ke tangan pembangkang. Selain itu, pencapaian PAS di Kedah juga semakin baik dengan memenangi 13 daripada 36 kerusi DUN yang dipertandingkan. Secara umum, keputusan PRU 1999 menunjukkan BN hanya mendapat 56.5 peratus undi keseluruhan berbanding 65 peratus undi pada pilihan raya umum 1995. Dari segi jumlah kerusi parlimen, BN memenangi 148 kerusi daripada 193 kerusi yang dipertandingkan berbanding 166 kerusi yang dimenangi pada PRU 1995.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa kempen politik daripada parti pembangkang bermula sejak gerakan reformasi tahun 1998 lagi walaupun PRU hanya diadakan pada tahun 1999. Kempen politik mereka banyak terarah kepada isu pemecatan Anwar Ibrahim yang disampaikan melalui demonstrasi jalanan, ceramah dan penggunaan Internet secara intensif. Selain itu, parti pembangkang iaitu DAP, Adil, PAS dan juga beberapa NGO telah bekerja sama untuk menentang parti kerajaan dengan mengangkat isu pemecatan Anwar Ibrahim dan tuduhan lain kepada kerajaan seperti rasuah, salah guna kuasa dan kronisme sebagai isu keadilan sejagat. Hasilnya pada PRU 1999 pencapaian parti pembangkang adalah lebih baik berbanding PRU sebelumnya.

### **Kempen Politik Pilihan Raya Umum 2008**

PRU 2008 mencatat sejarah tersendiri apabila BN mengalami kemerosostan mendadak dan gagal mendapat majoriti dua pertiga bagi kerusi parlimen sejak PRU 1969. Antara sebab kemerosotan sokongan terhadap BN adalah keberkesanannya kempen pembangkang melalui Internet. Walaupun Internet juga digunakan dalam PRU 1999 dan PRU 2004, namun penggunaannya tidaklah serancak PRU 2008. Pada PRU 1999, terdapat isu panas iaitu pemecatan Anwar, tetapi jumlah pengguna Internet pada ketika itu adalah agak terhad dan hanya tertumpu di kawasan-kawasan bandar sahaja. Pada PRU 2004 pula, walaupun terdapat pertambahan pengguna Internet tetapi tidak terdapat isu-isu baru yang

menarik pada waktu itu. Namun, pada PRU 2008 penggunaan Internet agak intensif kerana semakin banyaknya isu-isu penting yang muncul serta pengguna Internet yang bertambah dengan mendadak. Isu tersebut ialah kenaikan harga minyak dan barang, campur tangan keluarga dalam pentadbiran Abdullah Badawi, rasuah, diskriminasi kaum dan kegagalan Abdullah Badawi menunaikan janji PRU 2004 (Liow & Afif Pasuni 2010:47). Disebabkan Malaysia menyekat media massa daripada menyiarakan perkara yang sensitif tentang kerajaan, maka Internet menjadi medium yang paling mudah digunakan untuk mendedahkan, berbincang dan berbahas tentang perkara-perkara tersebut (Chin & Wong Chin Huat 2009:84).

Apabila Parlimen dibubarkan pada 13 Februari 2008, parti pembangkang yang tidak mendapat liputan media massa perdana telah mengeksplorasi sepenuhnya Internet untuk berkempen. Parti pembangkang utama iaitu PAS, DAP dan PKR membangunkan laman web masing-masing yang memaparkan maklumat terkini berkenaan parti mereka, menyampaikan berita-berita terkini politik negara dan juga menyediakan ruangan khas untuk rakyat menyampaikan perasaan tidak puas hati terhadap kerajaan. Selain itu, pemimpin parti politik berkenaan juga turut membangunkan blog peribadi mereka untuk berkempen. Konsep blog yang digunakan oleh pemimpin pembangkang tersebut adalah sama. Mereka menggunakan blog berbentuk teks untuk mencatatkan pelbagai peristiwa, berita terkini, isu penting, masalah rakyat dan ruang untuk rakyat menyuarakan pandangan. Antaranya ialah blog Anwar Ibrahim, Lim Kit Siang, Karpal Singh, Abdul Hadi Awang, Husam Musa dan Nasharuddin Mat Isa. Apa yang menariknya mereka ini memberikan respons yang sangat cepat terhadap pandangan yang disuarakan oleh rakyat. Ini membuatkan rakyat merasakan mereka mempunyai ruang untuk meluahkan pendapat dan mendapat maklum balas yang segera (Ahmad Rizal Yusof 2008:8; Smeltzer 2008:35-36).

Selain itu, terdapat juga pelbagai blog politik dan forum yang dibangunkan oleh orang perseorangan yang tidak mewakili mana-mana parti politik. Mereka ini tidak segan silu melontarkan pandangan politik untuk tatapan pembaca. Antara yang dibincangkan ialah pelbagai isu dan ketidakpuasan hati rakyat terhadap pentadbiran Abdullah Badawi sehingga isu-isu berkenaan hangat diperdebatkan. Antara blog yang sering mendapat perhatian ialah blog Dr. Mahathir, Kadir Jasin, Kuda Kepang, Sang Kelembai, Raja Petra Kamruddin, Rocky Atan, dan Haris Ibrahim. Selain itu, tidak sedikit juga para blogger yang diberi peluang dan dipilih sebagai calon dalam PRU 2008. Antara mereka ini ialah Tony Pua yang bertanding atas tiket DAP bagi kawasan Parlimen Petaling Jaya, Jeff Ooi Parlimen Jelutong yang juga bertanding atas tiket DAP, Badrul Hisham Shaharin mewakili PKR melawan Khairy Jamaluddin bagi Parlimen Rembau dan juga Nurul Izzah dari PKR bertanding di Parlimen Lembah Pantai melawan Shahrizat Jalil, Menteri Pembangunan Wanita dan Pembangunan Masyarakat (Smeltzer 2008:35; Ooi Kee Beng 2009:34-35). Ringkasnya, penglibatan masyarakat sama ada individu, masyarakat sivil dan parti pembangkang membincangkan isu-isu politik menerusi Internet telah melahirkan demokrasi siber. Ini kerana rakyat bebas berkumpul, menyuarakan pandangan, melahirkan ketidakpuasan, kritikan dan sebagainya secara maya tanpa ada sekatan atau perlu mendapatkan permit tertentu daripada pihak berkuasa.

Sementara parti pembangkang dan blogger begitu giat berkempen menulis tentang kepincangan yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan melalui Internet, pemimpin BN pula yakin dapat mengekalkan kemenangan majoriti dua pertiga bagi kerusi Parlimen. Kempen politik mereka banyak bergantung kepada media massa tradisional untuk menyampaikan mesej. Akibatnya, masyarakat meminggirkan BN pada PRU 2008 dan memberi sokongan kepada pembangkang yang banyak berinteraksi dan memberi maklum balas yang cepat kepada persoalan yang disampaikan rakyat. Secara umumnya keputusan PRU pada Mac 2008 menunjukkan BN gagal mempertahankan kemenangan majoriti dua pertiga di Parlimen. BN juga telah tewas di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor serta gagal merampas semula Kelantan.

Manakala di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula, BN telah kalah sepuluh daripada sebelas kerusi Parlimen yang mereka tandingi. Keadaan tersebut menyebabkan penganalisis politik menyatakan Malaysia telah dilanda tsunami politik. Secara keseluruhannya, daripada 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan, BN memenangi 140 kerusi manakala pembangkang pula memperoleh 82 kerusi iaitu terdiri daripada PKR (31), DAP (28) dan PAS (23).

Persoalannya, sejauh manakah Internet ini berkesan mempengaruhi pengundi pada PRU 2008? Penggunaan Internet secara meluas sama ada menerusi laman web, blog dan laman sosial oleh parti pembangkang dan aktivis lainnya telah memberikan kesan yang besar kepada sikap pengundi. Ini kerana mereka dapat mengetahui beberapa skandal dalam pentadbiran kerajaan yang tidak dibincangkan secara terbuka oleh media perdana kawalan kerajaan. Dalam hal ini Chin & Wong Chin Huat (2009:80) menulis:

*The online media were unafraid to discuss sensitive subjects such as high-level corruption, abuses of power, ethnic discrimination, police brutality, religious controversies, and racist remarks by UMNO politicians. Political bloggers, including Raja Petra Kamaruddin (Malaysia-Today), Haris Ibrahim (People's Parliament) and Jeff Ooi (Screenshots), plus opposition leader Lim Kit Siang, help to create a major shift among the middle class and send many concerned citizens into political action.*

Bagi menyampaikan maklumat alternatif ini, parti pembangkang banyak bergantung kepada portal berita iaitu Malaysiakini dan MalaysiaToday yang menyiaran berita-berita yang tidak memihak kepada kerajaan dan mendedahkan kepincangan yang berlaku dalam kerajaan seperti kes rasuah, salah guna kuasa dan lain-lain isu (Liow & Afif Pasuni 2010:46). Pada tahun 2008 sahaja, Malaysiakini mendapat 160,000 hit sehari atau dianggarkan dua juta hit sebulan (Malaysiakini 12 Julai 2009). Hal ini membolehkan masyarakat mendapat maklumat daripada kedua-dua pihak sebelum membuat keputusan untuk mengundi.

Keberkesanan Internet dalam mempengaruhi sikap pengundi ini juga dapat dilihat dalam satu tinjauan yang dilakukan oleh Zentrum Future Studies pada 20 Februari hingga 5 Mac 2008. Kajian tersebut mendapat 65 peratus responden mempercayai blog dan lain-lain sumber yang berkaitan dengan Internet, berbanding dengan 23 peratus yang mempercayai berita dari televisyen dan 15 peratus akhbar (Zentrum Future Studies Malaysia 2008). Penemuan ini dapat dikukuhkan lagi apabila blogger yang pertama kali bertanding dalam PRU ini seperti Hannah Yeoh, Nik Nazmi, Tony Pua, Jeff Ooi dan Nurul Izzah menang dalam PRU ini. Ini kerana mereka dapat mempromosikan diri mereka dengan lebih efektif kerana telah dikenali di dunia Internet (Maznah Mohamad 2008:453; Ooi Kee Beng 2009:34-35).

Huraian di atas menunjukkan kempen politik melalui Internet dapat mempengaruhi sikap pengundi kerana penggunaan Internet membolehkan rakyat mendapat maklumat alternatif berkaitan dengan kepincangan kerajaan yang tidak dilaporkan oleh media perdana. Persoalannya apakah kesan penggunaan Internet terhadap proses pendemokrasian? Penggunaan Internet telah memberi kesan positif terhadap pendemokrasian dari beberapa aspek: Pertama, ia dapat menarik minat masyarakat

untuk terlibat dengan aktiviti politik iaitu berinteraksi, berkumpul, menyuarakan pandangan melahirkan ketidakpuasan, kritikan dan sebagainya melalui ruang maya. Kedua, telah munculnya pelbagai laman web kritikal seperti Malaysiakini, MalaysiaToday, Aliran, Merdeka Review, The Free Media dan Rengah Sarawak yang tidak berpihak kepada kerajaan. Ketiga, ia telah mempengaruhi sikap pengundi dalam PRU 2008 yang mana telah mengurangkan sokongan rakyat pada BN.

Jadi, Internet telah menjadi alat atau mekanisme penting untuk rakyat menuntut pendemokrasian daripada kerajaan yang akhirnya melahirkan demokrasi siber apabila rakyat bebas mengambil bahagian dalam politik tanpa ada sekatan dan sempadan waktu serta ruang secara *online*. Demokrasi siber ini menjadi satu bentuk ancaman kepada kerajaan kerana rakyat tidak lagi hanya bergantung pada media massa perdana milik kerajaan untuk mendapatkan maklumat sama ada berkaitan aspek politik, ekonomi dan juga sosial. Apatah lagi saban tahun berlaku penambahan penggunaan Internet di Malaysia dan juga wujudnya *netcitizen* yang bergantung sepenuhnya kepada Internet untuk mendapatkan maklumat. Selain itu, demokrasi siber juga menjadi medan yang baik untuk rakyat kerana ia merupakan saluran untuk menyampaikan ketidakpuasan kepada kerajaan yang mana selama ini tidak ada ruang tersebut di media massa perdana.

## RUMUSAN

Kertas ini telah membincangkan tentang kempen politik di era reformasi iaitu PRU 1999 dan era pemerintahan Abdullah Badawi iaitu PRU 2008. Kempen politik PRU 1999 agak agresif kerana politik Malaysia masih panas dengan dengan isu pemecatan Anwar Ibrahim pada September 2008. Kempen politik tersebut juga tidak hanya bergantung kepada cara tradisional, tetapi turut menggunakan Internet iaitu melalui laman web reformasi dan portal berita. Manakala pada PRU 2008 kempen politik menjadi rancak dengan isu-isu kelemahan pentadbiran Abdullah Badawi seperti campur tangan keluarga dalam pentadbirannya dan kegagalan menunaikan janji PRU 2004. Peningkatan pengguna Internet dan kemunculan isu-isu sensasi menyebabkan kempen Internet menjadi sangat efektif dan seterusnya melahirkan *cyber democracy*. Dari segi keputusan pilihan raya pula pulak menunjukkan pada kedua-dua PRU iaitu 1999 dan 2008, Barisan Nasional telah mengalami kemerosotan sokongan kesan daripada isu-isu sensasi yang diketengahkan melalui Internet. Akhirnya dapatan kajian juga menunjukkan Internet semata-mata bukanlah merupakan faktor yang boleh mempengaruhi keputusan pilihan raya, ini kerana Internet hanya sebagai medium dan perlu bergantung kepada isu untuk penggunaannya yang efektif.

## Rujukan

- Abbot, J.P. (2000). Bittersweet victory: the 1999 Malaysian general election and the Anwar Ibrahim affair. *Round Table* 354(1): 245-258.
- Abbot, J.P. (2004). The internet, reformasi and democratization in Malaysia. Dlm. E.T. Gomez (pnyt.). *The state of Malaysia: ethnicity, equity and reform*, hlm. 79-104. London: RoutledgeCurzon.
- Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2008). Pendemokrasian Internet: pengaruh komuniti elektronik dalam pilihan raya Malaysia ke 12. *Proceeding of the 6<sup>th</sup> International Malaysian Studies Conference*:

*Engaging Malaysian Modernity 50 Years and Beyond*, Persatuan Sains Sosial Malaysia. Hotel Crown Plaza Riverside, Kuching: 1-19.

Brown, G.K. (2004). Civil society and social movements in an ethnically divided society: the case of Malaysia, 1981-2001. Tesis PhD. University of Nottingham.

Chadwick, A. (2006). *Internet politics: state, citizens and new communication technologies*. New York: Oxford University Press.

Chin, James & Wong, Chin Huat. (2009). Malaysia's electoral upheaval. *Journal of Democracy* 20(3): 71-85.

Felker, G. (1999). Malaysia in 1998: a cornered tiger bares its claws. *Asian Survey* 42(1): 43-54.

Funston, J. (2000). Malaysia's tenth elections: status quo, reformasi or Islamization? *Contemporary Southeast Asia* 22(1): 23-59.

Hilley, J. (2001). *Malaysia: Mahathirisme, hegemony and the new opposition*. New York: Zed Books.

Holmes, L. & Grieco, M. (2001). The internet, email, and the Malaysian political crisis: the power of transparency. *Asia Pacific Business Review* 8(2): 59-72.

Liow, Joseph. (1999). Crisis, choice and change: Malaysian electoral politics at the end of the 20<sup>th</sup> Century. *Asian Journal of Political Science* 7(2): 45-74.

Liow, Joseph. & Afif Pasuni. (2010). Debating the conduct and nature of Malaysia politics: communalism and new media post-March 2008. *Journal of Current Southeast Asian Affairs* 29(4): 39-65.

Loh Kok Wah, F. (2009). *Old vs new politics in Malaysia*. Petaling Jaya: SIRD.

Malaysiakini. (2009). <http://www.malaysiakini.com>. 12 Julai. [12 Julai 2009].

Margolis, M. & Resnick, D. (2000). *Politics as usual: the cyberspace "revolution"*. Thousand Oaks: Sage Publications.

Maznah Mohamad. (2008). Malaysia-democracy and the end of ethnic politics? *Australian Journal of International Affairs* 62(4): 441-459.

Means, G.P. (1976). *Malaysian politics*. Ed-ke 2. London: Hodder & Stoughton.

Mustafa K. Anuar. (1999). Turning over? Sycophantic media prompts more and more Malaysians to seek views. *Aliran Monthly* 19(5): 28-31.

Nair, Sheila. (2007). The limits of protest and prospects for political reform in Malaysia. *Critical Asian Studies* 39(3): 339-368.

New Straits Times Press (NSTP) Research and Information Services. (1990). *Elections in Malaysia: facts and figures*. Bangsar: NSTP.

Ooi, Kee Beng. (2009). *Arrested reform: the undoing of Abdullah Badawi*. Kuala Lumpur: REFSA.

Ramlah Adam. (1993). *Dato' Onn Jaafar pengasas kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Smeltzer, S. (2008). Blogging in Malaysia. *Journal of International Communication* 14(1): 28-45.

Suruhanjaya Pilihan Raya. (2006). *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1999*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya. (2007). *50 tahun demokrasi dan pilihan raya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya. (2008). *Laporan Pilihan Raya Umum ke-12, 2008*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.

Weiss, M.L. (1999). What will become reformasi? Ethnicity and changing political norms in Malaysia. *Contemporary Southeast Asia* 21(3): 424-427.

Weiss, M.L. (2000). The 1999 Malaysian general elections: issues, insult, and irregularities. *Asian Survey* 40(3): 413-435.

Weiss, M.L. (2006). *Protest and possibilities: civil society and coalitions for political change in Malaysia*. Stanford: Stanford University Press.

Welsh, B. (2004). Real change? Elections in the reformasi era. Dlm. E.T. Gomez (pnyt.). *The state of Malaysia: ethnicity, equity and reform*, hlm. 130-156. London: RoutledgeCurzon.